

**SIARAN AKHBAR**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**ANIH BERHAD TERUSKAN PEMANTAUAN DEMI KESELAMATAN  
PENGGUNA DI JAJARAN LPT1**

*Siasatan Lanjut Diteruskan Berikutan Isu Objek Serpihan Besi*

**KUALA LUMPUR, 1 MEI 2024** – ANIH Berhad merujuk kepada kejadian yang melibatkan beberapa buah kenderaan pengguna melanggar objek serpihan besi yang tercicir daripada muatan lori yang membawa barangan lusuh dan kitar semula di jajaran Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1).

Kejadian dilaporkan berlaku pada 29 April 2024 jam 8.15 malam. Pihak LPT Ronda telah bertindak dengan segera mengambil langkah-langkah yang sewajarnya termasuk membantu pemandu yang terlibat dalam kejadian tersebut.

Berdasarkan rekod petugas peronda, tiada sebarang kecederaan direkodkan dari pihak pengguna jalanraya yang terlibat dengan kejadian tersebut. Kerja-kerja pembersihan telah dilaksanakan oleh pihak ANIH Berhad yang selesai sepenuhnya sekitar 11.45 malam.

ANIH telah membuat siasatan awal dan tiada menunjukkan ada unsur khianat. Selain itu, laporan polis telah dibuat untuk siasatan lanjut.

Kami ingin mengingatkan semua pengguna lebuhraya, terutamanya kenderaan perdagangan, untuk bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan muatan yang dibawa, demi menjaga keselamatan bersama.

Bagi mendapatkan informasi tepat dan terkini, sila ikuti saluran rasmi media sosial ANIH Berhad di Facebook @Lebuhraya Pantai Timur dan X @LPTTrafik serta Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) @llmtrafik. Sekiranya berlaku kecemasan, hubungi LPT-Line di 1-700-818-700 atau talian LLM di 1800-88-7752.

-TAMAT-

## **ANIH BERHAD**

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT1), yang mencakupi Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1). Merentasi jarak dari Gombak pada KM 19.2 di Lembah Klang hingga ke Jabor pada KM 250.6 di Terengganu, LPT1 memendekkan masa perjalanan dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi dan penyelenggaraan tol rangkaian lebuhraya ANIH Berhad dikendalikan oleh Kumpulan MTD.

## **Pertanyaan Media**

Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan

[communications@mtdgroup.com.my](mailto:communications@mtdgroup.com.my)

03 6195 1111